

# UMS boleh main peranan dalam pembangunan pelancongan di Sabah

OLEH MIZRON MAR-  
ALANG  
mizron@newsabah-  
times.com.my

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan di negeri Sabah khususnya dalam infrastruktur 'knowledge software' dan sektor pelancongan.

Menteri Pelancongan Malaysia, Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, UMS juga sangat maju dalam sains marin dan Sabah mempunyai kekuatan dari segi sektor pelancongan marin seperti menyelam di pulau-pulau dan pendakian Gunung Kinabalu.

Katanya, melalui kementerianannya akan bersama-sama dengan UMS bagi membincangkan bagaimana boleh bekerjasama dengan pihak UMS dari segi industri pelancongan.

Beliau berharap kementerianannya akan dapat memberikan lebih inspirasi kepada para pelajar UMS mengenai keadaan dan perkembangan industri pelancongan di Sabah.

Beliau berkata demikian ketika Sidang Media sempena kunjungannya ke Universiti Malaysia Sabah, di sini, kelmarin.

"Kita inginkan generasi kedua bagi sektor pelancongan terus berkembang di Sabah untuk mengkaji dan mengekalkan keadaan sektor pelancongan di Sabah tidak jadi, laut, pantai, hutan, pulau dan sebagainya.

"Ini bagi memberi peluang kepada pelajar sendiri untuk membawa Malaysia mengekalkan kebersihan dan keindahan alam semulajadi kerana pelajarlah yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan," katanya.


Beliau juga berkata ke-

menterianya ingin mengukuh dan mengembangkan lagi sektor pelancongan di Malaysia. Tahun lalu sahaja, Malaysia telah dikunjungi oleh 24.6 juta pelancong dan 10 peratus daripadanya datang ke Sabah iaitu seramai 2.5 juta pelancong.

"Sabah adalah satu destinasi pelancongan yang menarik dan menjadi tumpuan para pelancong. Kebanyakan pelancong melawat Malaysia untuk jangka masa yang lama khususnya Sabah kerana terdapat pelbagai tempat yang menarik.

"Justeru kita harus membangunkan tempat-tempat pelancongan seperti taman-taman di Sabah. Contohnya di Mesilau, flora dan fauna sangat indah dan menarik.

Selain itu, pelancaran produk terbaru iaitu 'The Art Hunt Of Sabah' di Sabah minggu lalu adalah seni kontemporari pelancongan dan telah dilancarkan di Lapangan



SIDANG MEDIA ... Ng Yen Yen (tengah) dan Dr. Kamaruzaman (kanan) ketika sidang media di Bangunan Canselor, UMS kelmarin.

Terbang Kota Kinabalu. Pelbagai galeri akan mengambil bahagian dalam seni kontemporari pelancongan ini dan inilah antara produk terbaru pelancongan di Sabah.

"Siapa tahu UMS pada masa akan datang boleh dijadikan tempat seni kontemporari pelancongan dan pelajar boleh bermula dari sekarang untuk bersedia mempersembahkan keunikan seni dan kebudayaan yang tersendiri.

"Kementerian melancarkan produk terbaru pelancongan ini kerana ianya tidak menggunakan kos yang tinggi, tidak mengganggu alam semula jadi dan hanya memerlukan kreativiti bagi setiap kesenian dan kebudayaan yang dipersembahkan.

Pada masa sama, beliau berkata melalui kementerianannya iaitu industri pelancongan ingin mengorak langkah ke hadapan dengan memperbaiki dan memastikan pemandu pelancong di Sabah yang baru adalah yang terbaik dan pekara ini akan dikaji semula

kerana setiap pemandu pelancong mempunyai karakter yang berbeza.

"Semua ini adalah langkah ke hadapan bagi industri pelancongan di Malaysia di bawah Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (NTTP)," katanya.



BUKU PELANCONGAN ... Dr. Ng Yen Yen (tiga, kiri) menyerahkan buku pelancongan kepada wakil dari perpustakaan UMS.